



# BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

Laporan Tahunan berakhir 31hb. Dis. 2014

# IQRA'...



jambatan ilmu itu  
dibina hasil keringat  
dan tabiat suka  
**MEMBACA !**

# LAPORAN TAHUNAN 2014

## BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

SAYA  
MEMBACA



PERPUSTAKAAN UTM  
BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
81310 JOHOR BAHRU  
JOHOR

Vol.4  
Februari 2015

LAYARI PORTAL KAMI UNTUK VERSI DALAM TALIAN :  
<http://portal.psz.utm.my/div/bpt>

# Mukasurat Kandungan

**Senarai Jadual :** iii

**Senarai Rajah:** iii

**Salam dari KKHP:** iv

## 1: PENGENALAN

Salam Pembuka Bicara

## 2: FUNGSI BKHP

## 3: OBJEKTIF BKHP

## 4: FUNGSI & OBJEKTIF UPT

## 5: FUNGSI & OBJEKTIF UHP

## 6: STRUKTUR ORGANISASI BKHP

## 7: STAF

Faktor Pemacu Inovasi Dan Transformasi Organisasi



# Pencapaian 2014

- 9 : BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN  
Mendepani Cabaran Baru Dunia Pengkatalogan Bahan
- 10 – 11 : RINGKASAN PENCAPAIAN BKHP
- 10 : Unit Pengurusan Teknikal
- 11 : Unit Pengurusan Dokumen Digital
- 11 : Unit Hadiah & Pertukaran
- 12 – 20 : ANALISA PENCAPAIAN 2014
- 12 : Unit Pengurusan Teknikal
- Pencapaian Keseluruhan
  - Pencapaian ‘Key Amal Indicator’ (KAI)
  - Penerimaan & Penghantaran Bahan
  - Pencapaian Objektif Kualiti (OK)
  - Lain-lain Pencapaian Pemprosesan Bahan Di UPT
- 19 : Unit Pengurusan Dokumen Digital
- Pendigitalan Bahan
- 20 : Unit Hadiah & Pertukaran
- Penerimaan Bahan Hadiah & Pertukaran
  - Penghantaran Bahan Hadiah & Pertukaran
- 22 : AKTIVITI SEPANJANG TAHUN
- 22 : PERANCANGAN & PENAMBAHBAIKAN  
MAKLUMAT PERTANYAAN

# Sisiapan 2014

- 25 : PROGRAM LATIHAN INDUSTRI  
Tunjuk Ajar Kepada Bakal Pustakawan
- 26 : MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI 1435H PERINGKAT BPT  
Salam Ukhwah, Rezeki Melimpah
- 27 – 28 : MAJLIS PENGHARGAAN STAF  
Tautan Kasih Mengerat Ikatan Sillaturrahim
- 29 : REFRESHER COURSE  
Sesi Taklimat & Latihan : Modul Katalog, Manual Pengguna & Polisi Pengkatalogan
- CATATAN SEPANJANG JALAN KENANGAN

# Senarai Jadual

- Jadual 1 : Data Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pengkatalogan Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR  
– ms.13
- Jadual 2 : Data Pencapaian ‘Key Amal Indicator’ (KAI) Merangkumi Bahan Asal dan Bahan CIP  
– ms.14
- Jadual 3 : Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Penerimaan & Penghantaran Bahan oleh BKHP 2012-2014  
– ms.15
- Jadual 4 : Data Pencapaian Objektif Kualiti (OK) bagi Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan  
– ms.16
- Jadual 5 : Jumlah Proses Pendigitalan Bahan Sepanjang 2014  
– ms.19
- Jadual 6 : Data Penerimaan Bahan Hadiah & Pertukaran Sepanjang 2014  
– ms.21
- Jadual 7 : Data Penghantaran Bahan Hadiah & Pertukaran dari BKHP ke Lain-lain Lokasi  
– ms.21



# Senarai Rajah

- Rajah 1 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pengkatalogan Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR  
– ms. 12
- Rajah 2 : Pecahan Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pengkatalogan Mengikut Jenis Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR  
– ms.13
- Rajah 3 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Penerimaan & Penghantaran Bahan oleh BKHP  
– ms.15
- Rajah 4 : Pecahan Proses Pendigitalan Bahan Sepanjang 2014  
– ms.19
- Rajah 5 : Penerimaan Keseluruhan Bahan Hadiah & Pertukaran Sepanjang Tahun 2014  
– ms.20
- Rajah 6 : Penerimaan Keseluruhan Bahan Hadiah & Pertukaran Sept.-Dis. 2014 Sahaja  
– ms.20

# Salam dari KKHP

Assalaamualaikum,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta`ala kerana dengan limpah dan kurnia-NYA, saya berpeluang menurunkan sepatah dua kata-kata aluan di dalam laporan tahunan Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran. Terlebih dahulu saya turut berterima kasih kepada semua Pustakawan dan staf di Bahagian ini kerana telah memberikan sokongan padu dengan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Bahagian ini mula beroperasi di bawah struktur baru Perpustakaan UTM pada bulan September 2014. Terdiri daripada 2 unit iaitu Unit Pengurusan Teknikal dan Unit Hadiah dan Pertukaran. Kombinasi 2 bahagian yang secara dasarnya mempunyai tugas yang berlainan, walau bagaimanapun keduanya mempunyai persamaan iaitu untuk memproses bahan sehingga bahan berada di rak. Adalah diharapkan kombinasi dan kolaborasi di antara kedua-dua Unit ini mampu meningkatkan lagi produktiviti Bahagian.



Umum sedia maklum, bahawa bahagian katalog merupakan '*heart of the library*' di dalam memastikan bahan diproses mengikut piawaian antarabangsa dan memastikan ianya boleh diakses sama ada melalui *web* OPAC dan juga keberadaan bahan tersebut di rak. Oleh itu, Bahagian ini bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan maklumat bahan yang diproses adalah tepat dan informatif agar kemudahcapaiannya di dalam *web* OPAC dapat memenuhi kehendak masyarakat antarabangsa.


Besar harapan saya agar seluruh staf di Bahagian ini terus berusaha dengan lebih gigih dan tekun untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kita semua perlu bersedia untuk menempuh setiap cabaran yang mendatang selari dengan misi untuk memberikan yang terbaik dan berkualiti bagi menyokong perkhidmatan perpustakaan secara keseluruhan.

10hb. Februari 2015

**LEADERSHIP is action, not position - McGannon**

*Wasallam  
Badariah Borham*  
Ketua Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran  
... dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pemprosesan Teknikal

# *Salam Pengenalan pembuka bicara ...*



Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran (BKHP) merupakan salah satu bahagian yang bertanggungjawab di dalam aktiviti memprosesan bahan untuk pembangunan koleksi Perpustakaan UTM. Pemprosesan bahan di BKHP merangkumi bahan yang diperoleh melalui aktiviti pembelian, hadiah dan hasil daripada aktiviti pertukaran bahan bacaan dari pelbagai institusi serta organisasi.

BKHP terdiri daripada 2 (dua) Unit utama iaitu :

- Unit Pemprosesan Teknikal (UPT).
- Unit Hadiah & Pertukaran(UHP).

Unit Pengurusan Teknikal (UPT) merupakan unit yang dipertanggungjawabkan untuk memproses bahan yang diterima dari Bahagian Pembangunan Sumber serta Unit Galerium bagi tujuan pengkatalogan, melabel dan seterusnya dihantar ke Bahagian / Unit serta perpustakaan cawangan bagi tujuan peminjaman dan rujukan.

Manakala Unit Hadiah & Pertukaran (UHP) pula bertanggungjawab untuk melakukan proses memperoleh bahan dari institusi luar sama ada sebagai bahan hadiah, mahupun pertukaran bahan bacaan, mengkatalog dan seterusnya memproses bahan tersebut untuk rujukan pengguna perpustakaan.

Menerusi aktiviti pengkatalogan yang menjadi tunjang utama di setiap Perpustakaan, peranan BKHP sebagai salah satu pelengkap kepada kualiti perkhidmatan yang terbaik menjadi sangat penting untuk memastikan fungsi Perpustakaan UTM berada di tahap yang terbaik.

# Fungsi BKHP

Bahagian ini bertanggungjawab memproses katalog bahan yang terdiri daripada bahan belian dan hadiah serta mengawasi aktiviti pengkatalogan yang dilaksanakan di Perpustakaan UTM-Cawangan dan Perpustakaan Fakulti.

Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk membangunkan koleksi terbitan kerajaan serta badan swasta dan juga mengedarkan bahan terbitan UTM ke organisasi/agensi luar yang terpilih melalui aktiviti Hadiah dan Pertukaran.



# Objektif BKHP

- Mewujudkan satu garis panduan pengurusan pengkatalogan, pengelasan dan penetapan tajuk perkara serta garis panduan melengkapkan fizikal bahan yang dijalankan secara sistematis, teratur dan berterusan.
- Menyediakan rekod bibliografik yang lengkap bagi semua bahan yang diperolehi oleh Perpusakaan UTM.
- Melengkapkan fizikal bahan yang telah diproses dengan membuat label bahan dan maklumat fizikal untuk tujuan rujukan dan pinjaman.
- Mengawasi dan membuat kemaskini maklumat fail kuasa bagi pengarang, perkara dan juga siri di dalam sistem perpusakaan.
- Memantapkan koleksi Hadiah dan Pertukaran bagi bahan terutama yang diterima daripada Kementerian dan agensi Kerajaan.
- Memastikan bahan terbitan UTM diserahkan ke Perpustakaan Negara di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*.



# Fungsi UPT

Bertanggungjawab dalam urusan pengendalian bahan belian untuk dikatalog, dilabel dan dihantar mengikut lokasi yang telah ditetapkan merangkumi aspek pengawasan yang teliti terhadap :

- Penyediaan dan penyelarasan piawaian yang ‘standard’ bagi aktiviti pengkatalogan bahan selaras dengan piawaian antarabangsa dan kebangsaan.
- Mengawalselia keseragaman rekod bibliografik bahan di dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan.

# Objektif UPT

- Memproses katalog bahan yang diterima oleh Perpustakaan UTM dan memastikan ia mempunyai rekod bibliografi dan ‘holdings’ di dalam Sistem Katalog Berkomputer Perpustakaan (LMS).
- Mengkatalog bahan mengikut piawaian pengkatalogan antarabangsa dan dasar yang dipraktikkan di Perpustakaan UTM bagi memastikan kualiti bahan yang diproses serta paparan rekod bahan yang dimuatkan di dalam Sistem Perpustakaan LESTARI adalah komprehensif dan tepat.
- Membuat pembetulan dan kemaskini bahan yang diterima daripada Unit Sirkulasi dan daripada lain-lain Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM, dan memastikan maklumat bahan di dalam sistem perpustakaan adalah betul dan tepat.
- Menyelenggara rekod melalui semakan fail kuasa bagi memastikan keseragaman rekod serta bagi membolehkan rujukan rekod yang komprehensif kepada pengguna.

*Mengenali,  
memahami dan  
merealisasi  
**MATLAMAT organsasi ...***



# Fungsi UHP

Membangunkan koleksi Perpustakaan melalui permohonan dan penerimaan bahan hadiah serta pertukaran bahan antara organisasi sama ada badan kerajaan atau swasta.

# Objektif UHP

- Bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan dan penerimaan bahan-bahan hadiah yang diterbitkan secara percuma dari pelbagai sumber bercetak dan elektronik daripada universiti dalam/luar negara, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, institusi dan organisasi dalam/luar negara, serta orang perseorangan bagi pembangunan koleksi bahan Perpustakaan UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan pertukaran bahan terbitan UTM kepada universiti dalam negara, agensi kerajaan atau swasta bergantung pada jumlah bahan yang diterima dari fakulti/jabatan di UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan serahan bahan terbitan UTM kepada Perpustakaan Negara Malaysia tertakluk kepada Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).



*Mengenali, memahami dan merealisasi MATLAMAT organisasi ...*



# **STRUKTUR ORGANISASI**

## **Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran**

**BADARIAH BORHAM – KKHP**

**S48 ~ KETUA BAHAGIAN | [badariahborham@utm.my](mailto:badariahborham@utm.my)**

### **UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL**

**HASLINA HUSSIN – P(PT)**

**S44 – PUSTAKAWAN KANAN | [haslinahussin@utm.my](mailto:haslinahussin@utm.my)**

**MOHD. KAMIL ABDULLAH – PmPK(KHP)\***

**S22 – PEMBANTU PERPUSTAKAAN KANAN | [kamil@utm.my](mailto:kamil@utm.my)**

**KAMARUL ZAMAN NIK – PmP(PT1)**

**S22 – PEMBANTU PERPUSTAKAAN KANAN (KUP)**

**[kamarulzamanik@utm.my](mailto:kamarulzamanik@utm.my)**

**MUZANNI SUBAKHIR – PmP(PT2)**

**S17 – PEMBANTU PERPUSTAKAAN | [muzanni@utm.my](mailto:muzanni@utm.my)**

**AISHAH NOOR HAMZAH – PT(KHP)\***

**N17 – PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) | [aishahnoor@utm.my](mailto:aishahnoor@utm.my)**

### **UNIT HADIAH DAN PERTUKARAN**

**MUZAIMAH MOHD. YUNUS – P(HP)**

**S41 – PUSTAKAWAN | [muzaimah@utm.my](mailto:muzaimah@utm.my)**

**NORDIANA MOHSIN – PmP(HP1)**

**S17 – PEMBANTU PERPUSTAKAAN | [nordianamohsin@utm.my](mailto:nordianamohsin@utm.my)**

**NORALIAH MOHD. NASIRUDDIN – PmP(HP2)**

**S22 – PEMBANTU PERPUSTAKAAN KANAN (KUP)**

**[noraliah@utm.my](mailto:noraliah@utm.my)**

**MOHD. YUSOFF MAT YAMAN – PO(KHP)\***

**N11 – PEMBANTU OPERASI | [yusoffmyaman@utm.my](mailto:yusoffmyaman@utm.my)**

\* Staf gunasama antara UPT dan UHP.

# STAF FAKTOR PEMACU INOVASI DAN TRANSFORMASI ORGANISASI

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran (BKHP) telah mengalami beberapa perubahan yang melibatkan perubahan nama Bahagian dan juga staf yang mengalami pertukaran secara menyeluruh.

Mulai September 2014, nama Bahagian Pemprosesan Teknikal (BPT) telah berubah kepada BKHP yang terdiri daripada Unit Pengurusan Teknikal (UPT) dan Unit Hadiah dan Pertukaran (UHP), dengan jumlah staf seramai 10 orang termasuk Ketua Bahagian. Daripada jumlah ini, seramai 5 orang staf telah ditempatkan di UPT dengan yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengkatalog bahan belian dan bahan galerium. Sejumlah 4 orang staf pula telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus penerimaan, pengkatalogan, penghantaran dan memproses bahan hadiah dan pertukaran di bawah UHP. Manakala 2 orang staf, masing-masing seorang dari UPT dan UHP merupakan staf gunasama bagi melaksanakan tugas perkeranian dan operasi pejabat. Rujuk Struktur Organisasi – Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran untuk situasi terkini.

Beroperasi sebagai BPT sehingga Ogos 2014, Bahagian ini terdiri daripada komposisi 2 unit, iaitu Unit Pengurusan Teknikal (UPT) dan, Unit Pengurusan Dokumen Digital (UPDD) dengan jumlah staf seramai 18 orang termasuk Ketua Bahagian. Daripada jumlah ini seramai 5 orang Pustakawan, 1 orang Pembantu Perpustakaan Kanan, 4 orang Pembantu Perpustakaan, 2 orang Pembantu Tadbir dan 1 orang Pembantu Operasi ditempatkan di UPT. Manakala, 1 orang Pustakawan dan 3 orang Pembantu Perpustakaan ditempatkan di UPDD. Berkuatkuasa 01.09.2014, seramai 12 orang staf BPT telah berpindah ke Bahagian lain berdasarkan penstukturuan semula organisasi Perpustakaan UTM.

Berikut adalah staf yang terlibat dengan perpindahan ke Bahagian lain di Perpustakaan UTM.

- Berpindah ke Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru.

1. Norhafisah Zakaria – Bahagian Pembangunan Automasi.
2. Mohd. Faezan Md. Zan – Bahagian Repositori Metadata.
3. Haliza Zainal – Bahagian Repositori Metadata.
4. Noor Effendy Hamzah – Bahagian Repositori Metadata.
5. Esam @ Hisham Muhammad ~ Bahagian Repositori Metadata.
6. Muhammad ‘Atiff Mahussain ~ Bahagian Repositori Metadata.
7. Muhammad Idham Sulong ~ Bahagian Repositori Metadata.
8. Nazatulhisma Ahmad – Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Penyelidikan dan Sirkulasi.
9. Yahaya Abd. Ghani – Bahagian Pembangunan Automasi.

- Berpindah ke Bahagian lain di Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru.

1. Norashikin Johari – Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Penyelidikan.
2. Mohd. Yunus Wahab – Bahagian Pembangunan Sumber.
3. Nurfarahin Jasmine See Abdullah – Bahagian Pembangunan Sumber.

BKHP seterusnya menerima 4 orang staf baru untuk meneruskan tugas pengkatalogan bahan belian dan pengurusan bahan hadiah dan pertukaran yang terdiri daripada :

1. Muzaimah Mohd. Yunus – Pustakawan UHP.
2. Nordiana Mohsin – Pembantu Perpustakaan UHP.
3. Noraliah Nasiruddin – Pembantu Perpustakaan UHP.
4. Mohd. Yusoff Md. Yaman – Pembantu Operasi Pejabat BKHP.

Secara keseluruhannya, BKHP mengalami pengurangan seramai 8 orang staf, dan 4 pertukaran staf antara Bahagian pada 2014.



# Pencapaian 2014

# Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran MENDEPANI CABARAN BARU DUNIA PENGKATALOGAN BAHAN

## PERUBAHAN 2014

Aktiviti pengkatalogan bahan merupakan aktiviti utama di Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran (BKHP). Dengan penstrukturkan semula Bahagian ini, yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pemprosesan Teknikal (BPT), BKHP masih kekal dengan 2 unit utama untuk meneruskan fungsi Bahagian ini di dalam aktiviti pengkatalogan dan pemprosesan bahan.

Unit Pengurusan Teknikal (UPT) sangat berperanan di dalam usaha untuk memastikan rekod bibliografik bahan yang tersimpan di dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan dikendalikan dengan tepat dan lengkap. Selaras dengan perubahan struktur organisasi 2014, peranan UPT telah dikecilkkan kepada skop yang lebih terperinci lagi, iaitu hanya menguruskan pengkatalogan bahan belian sahaja. Walaupun skop pengkatalogan bahan telah mengecil, namun peranan BKHP sebagai Bahagian yang memantau serta menyelaras aktiviti pengkatalogan bahan di Perpustakaan UTM adalah sangat mencabar.

Unit Hadiah & Pertukaran (UHP) juga menjadi komponen BKHP, berperanan mengurus perolehan bahan melalui aktiviti pertukaran bahan dan penerimaan bahan sebagai hadiah untuk koleksi Perpustakaan UTM.

UHP juga berperanan melakukan aktiviti pengkatalogan bahan yang diperolehi sebelum bahan diedarkan mengikut lokasi Perpustakaan. Disamping itu juga, BKHP menjadi peneraju yang bertanggungjawab terhadap keseragaman Dasar Pengkatalogan dan Panduan Mengkatalog Bahan di Universiti ini.

## KOLEKSI BAHAN

Koleksi bahan cetak dan digital merupakan aset utama sesebuah perpustakaan. Oleh itu, koleksi perpustakaan itu dianggap sangat penting, selari dengan peranan sesebuah perpustakaan itu. Ratusan ribu koleksi bahan yang terdapat di dalam perpustakaan jika tidak diurus dengan baik juga bukanlah satu cara yang bijak untuk membantu pengguna mengakses bahan bacaan.

Berperanan untuk memastikan koleksi perpustakaan dapat diakses dengan mudah dan berkesan, UPT memainkan peranan penting di dalam usaha pengkelasan bahan mengikut bidang perkara dan kemudahkesanannya melalui nombor panggilan. Aktiviti pengkatalogan bahan di UPT adalah merujuk kepada 3 proses yang dilakukan oleh Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan yang merangkumi :

- Kemaskini data bibliografik dan Input Ringkas (IR) oleh Pembantu Perpustakaan,

- Pengkatalogan Salin (CIP) oleh Pembantu Perpustakaan, dan
- Pengkatalogan Bahan Asal (Original Cataloging) oleh Pustakawan.

Selaras dengan perkembangan terkini bidang pengkatalogan dan pengkelasan bahan, Perpustakaan UTM juga akan melaksanakan elemen RDA (*Resource Description and Access*) di dalam pemprosesan bahan. RDA merupakan salah satu piawaian antarabangsa yang memberi satu kelebihan kepada pengguna untuk melihat rekod bibliografik bahan dengan lengkap sebelum bahan dirujuk.

BKHP kini berada di peringkat kajian untuk mengenalpasti aspek-aspek yang melibatkan keperluan beberapa *tag* tambahan pada struktur rekod bahan. Usaha ke arah pemantapan rekod bibliografik di Perpustakaan UTM sedang dilaksanakan dengan beberapa penelitian awal sebelum RDA dipraktikkan sepenuhnya di Perpustakaan UTM. Ini bagi memastikan struktur dan ketepatan rekod diperlihara dengan lebih sistematik.



# *Ringkasan* Pencapaian BKHP

## UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL (UPT)

BERAKHIR SEHINGGA 31hb. DISEMBER 2014

**15,930 J / 18,259 N**

Jumlah pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan merangkumi bahan asal dan bahan CIP sahaja.

Pencapaian BSC Bahagian.

2013 : 16,962 J / 17,382 N. **Penurunan 6.1%.**

**24,416 J / 27,642 N**

Jumlah keseluruhan pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan merangkumi bahan asal, bahan CIP dan input ringkas.

2013 : 26,514 J / 27,104 N. **Penurunan 7.9%.**

**21,904 J / 22,476 N**

Jumlah pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan merangkumi bahan asal, bahan CIP dan input ringkas.

Pencapaian Objektif Kualiti Bahagian.

2013 : 26,514 J / 27,104 N. **Penurunan 17.4%.**

**19,165 J N**

Jumlah penerimaan bahan dari pelbagai Bahagian yang terdiri daripada bahan belian, koleksi arkib UTM, jurnal & media elektronik, hadiah & pertukaran, galerium dan lain-lain.

2013 : 20,417 N. **Penurunan 6.1%.**

**18,760 N**

Jumlah penghantaran bahan siap diproses ke lain-lain Bahagian di Perpustakaan UTM – PSZJB, Perpustakaan UTM – PRZS serta Perpustakaan Cawangan di Johor Bahru & Kuala Lumpur.

2013 : 18,935 N. **Penurunan 0.9%.**

# ***Ringkasan*** Pencapaian BKHP

## UNIT PENGURUSAN DOKUMEN DIGITAL (UPDD)

BERAKHIR SEHINGGA 31hb. OGOS 2014

**4,385 J**

Jumlah keseluruhan aktiviti pendigitalan bahan yang merangkumi aktiviti mengimbas dokumen dan ‘converting file’.

2013 : 7,002 J. Penurunan 37.4%.

**25 J**

Pencapaian aktiviti mengimbas dokumen koleksi khas yang terdiri daripada tesis, makalah dan sebagainya, bagi bahan yang tiada lampiran cakera padat.

2013 : 1,958 J. Penurunan 98.7%.

**4,360 J**

Pencapaian aktiviti ‘converting file’ yang merangkumi aktiviti muat naik data dari cakera padat untuk dijadikan fail dalam format .pdf.

2013 : 5,044 J. Penurunan 13.6%.

## UNIT HADIAH & PERTUKARAN (UHP)

BERAKHIR SEHINGGA 31hb. DISEMBER 2014

**3,635 N / 955 N**

Jumlah penerimaan bahan hadiah & pertukaran pelbagai format sepanjang 2014.

Tiada Perbandingan.

**721 N / 144 N**

Jumlah keseluruhan penghantaran bahan hadiah & pertukaran sepanjang 2014.

Tiada Perbandingan.



# UPT ANALISA PENCAPAIAN

## SE PANJANG TAHUN 2014

Pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan di BKHP pada tahun 2014 diterajui oleh Unit Pengurusan Teknikal (UPT) sepenuhnya sehingga Ogos bagi semua jenis dan koleksi bahan di Perpustakaan UTM. Namun, mulai September, Unit Hadiah & Pertukaran (UHP) yang mula menyertai BKHP juga turut berperanan untuk melakukan tugas pengkatalogan bagi bahan hadiah & pertukaran sahaja, manakala bahan koleksi khas telah diambil alih sepenuhnya oleh Unit Koleksi Khas, Bahagian Repositori Metadata.

Pencapaian 2014 dibahagikan kepada 3 aktiviti utama, iaitu pengkatalogan bahan asal oleh Pustakawan, ‘cataloging in-print’ CIP dan input ringkas (IR) oleh Pembantu Perpustakaan. Sasaran pencapaian aktiviti pengkatalogan di BKHP juga terbahagi kepada beberapa sasaran seperti berikut :


- i. Pencapaian keseluruhan tahunan merangkumi semua jenis aktiviti pengkatalogan – sasaran : 24,076 judul setahun. Pengiraan sasaran tahunan ini meliputi semua aktiviti pengkatalogan bahan oleh staf BKHP, termasuk pelajar latihan industri secara kumulatif.
- ii. Pencapaian ‘Key Amal Indicator’ (KAI) yang secara langsung menjawab kepada pencapaian ‘Balanced Score Card’ (BSC) Perpustakaan UTM – sasaran : 15,000 judul setahun. Penjumlahan sasaran tahunan ini mengambil kira aktiviti pengkatalogan bahan asal dan CIP sahaja.
- iii. Pencapaian Objektif Kualiti aktiviti pengkatalogan bahan asal, CIP dan IR – sasaran : 22,476 judul setahun. Pengiraan jumlah sasaran adalah merujuk kepada sasaran bulan setiap Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan berdasarkan objektif kualiti yang telah ditetapkan.

### PENCAPAIAN KESELURUHAN TAHUNAN

Data di Jadual 1 merujuk kepada pencapaian keseluruhan BKHP bagi aktiviti pengkatalogan yang dilaksanakan oleh semua staf, termasuk pelajar latihan industri yang menjalani latihan di BKHP sepanjang 2014. Secara keseluruhan, pada tahun 2014, sejumlah 24,416 judul (27,642 naskhah) telah berjaya diproses. Daripada jumlah ini, sejumlah 9,830 judul merupakan bahan katalog asal manakala 6,100 judul pula adalah bahan CIP yang dikatalog oleh Pembantu Perpustakaan. Sejumlah 8,486 judul pula adalah bahan IR telah diproses untuk dikatalog oleh Pustakawan mengikut staf seliaan masing-masing. Daripada jumlah ini juga, sejumlah 1,149 judul bahan merupakan jumlah yang telah dikatalog oleh KKHP (82 judul), pelajar latihan industri (915 judul) serta Pustakawan BRM (152 judul). Analisa ini merujuk kepada data di Jadual 1 dan Rajah 1.

Daripada jumlah sasaran sebanyak 24,076 judul, BKHP telah berjaya mencapai lebihan sejumlah 340 judul yang mewakili 1.4% daripada sasaran asal. Perincian pecahan aktiviti pengkatalogan bahan ini digambarkan melalui Rajah 1 & 2.


Rajah 1 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pengkatalogan Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR.



JENIS BAHAN	PUSTAKAWAN		PEMBANTU PERPUSTAKAAN				JUMLAH	
	BAHAN ASAL		CIP		IR			
	J	N	J	N	J	N	J	N
Buku	4014	4674	5755	5995	4868	5331	14,637	16,000
Cakera Padat	2163	2208	341	428	1528	1542	4,032	4,178
Tesis	1280	1281	0	0	874	874	2,154	2,155
PSM	1361	1361	0	0	830	830	2,191	2,191
Dokumen Kontrak	4	4	0	0	0	0	4	4
Makalah	2	2	0	0	0	0	2	2
Jurnal (Teks)	138	175	0	0	0	0	138	175
Peta	117	117	0	0	0	0	117	117
Research Monograph	697	1984	0	0	148	444	845	2,428
Jurnal (Elektronik)	31	31	0	0	0	0	31	31
Carta	1	1	0	0	0	0	1	1
Album	22	22	0	0	0	0	22	22
Bahan Bersiri	0	0	0	0	212	308	212	308
Lain-lain	0	0	4	4	26	26	30	30
JUMLAH	9830	11860	6100	6427	8486	9355	24,416	27,642

**Jadual 1 :**  
Data Pencapaian Keseluruhanan Aktiviti Pengkatalogan Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR.

**Rajah 2** : Pecahan Pencapaian Keseluruhanan Aktiviti Pengkatalogan Mengikut Jenis Bahan Merangkumi Bahan Asal, Bahan CIP dan Proses IR.



## PENCAPAIAN ‘KEY AMAL INDICATOR’ (KAI)

Pencapaian ‘Key Amal Indicator’ (KAI) yang secara langsung menjawab kepada pencapaian ‘Balanced Score Card’ (BSC) Perpustakaan UTM, BKHP mengambilkira jumlah pencapaian ini berdasarkan kepada sasaran 15,000 judul setahun bagi aktiviti pengkatalogan bahan asal dan bahan CIP sahaja.

Sejumlah 15,930 judul (18,259 naskhah) bahan telah berjaya diproses untuk mencapai sasaran ini. Terdapat lebihan pencapaian sebanyak 930 judul yang mewakili 6.2% daripada sasaran asal. Bagi pencapaian KAI, BKHP telah mengklasifikasikan pencapaian ini mengikut jenis bahan seperti data di Jadual 2. Bahan belian merupakan dominasi utama, diikuti dengan bahan koleksi khas, serta bahan hadiah & pertukaran.

**Jadual 2 : Data Pencapaian ‘Key Amal Indicator’ (KAI) Merangkumi Bahan Asal dan Bahan CIP.**

JENIS KOLEKSI	BAHAN BELIAN		BAHAN KOLEKSI KHAS				BAHAN HADIAH & P'TUKARAN		JUMLAH	
			TESIS & PSM		LAIN-LAIN					
JENIS BAHAN	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N
Buku	8282	8813	0	0	276	541	1211	1287	9769	10641
Cakera Padat	470	594	1999	1999	10	14	25	29	2504	2636
Peta	117	117	0	0	0	0	0	0	117	117
Tesis	0	0	1280	1281	0	0	0	0	1280	1281
PSM	0	0	1361	1361	0	0	0	0	1361	1361
Dokumen Kontrak	0	0	0	0	4	4	0	0	4	4
Makalah	0	0	0	0	2	2	0	0	2	2
Bahan Bersiri (Teks)	0	0	0	0	0	0	141	178	141	178
Research Monograph	0	0	0	0	697	1984	0	0	697	1984
Bahan Bersiri (Elektronik)	31	31	0	0	0	0	0	0	31	31
Carta	1	1	0	0	0	0	0	0	1	1
Album	0	0	0	0	0	0	22	22	22	22
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	1	1	1	1
JUMLAH /	8901	9556	4640	4641	989	2545	1400	1517	15,930	18,259

Hasil pencapaian KAI ini dilihat telah memberi satu usaha yang lebih berkesan untuk mengenalpasti cara terbaik untuk mempercepatkan proses pengkatalogan bahan, khususnya bagi bahan koleksi khas seperti dokumen kontrak dan minit mesyuarat, serta bahan hadiah & pertukaran (bahan album). Kedua-dua bahan ini merupakan bahan koleksi khusus yang hanya dimiliki oleh Perpustakaan UTM yang secara tidak langsung membantu kemudahkesan bahan di rak.

Mulai 2015, pencapaian KAI BKHP akan hanya merangkumi pencapaian bahan belian serta bahan hadiah & pertukaran sahaja, iaitu 2 unit utama yang berfungsi untuk melaksanakan tugas pengkatalogan bahan dengan lebih cekap dan komprehensif.

### Peratus Pecahan Mengikut Jenis Koleksi :

- Bahan Belian - 55.9%
- Bahan Koleksi Khas – 35.3%
- Bahan Hadiah & Pertukaran – 8.9%

### Peratus Pecahan Mengikut Jenis Bahan :

- Buku – 61.3%
- Cakera Padat – 15.7%
- Peta – 0.7%
- Tesis – 8%
- PSM – 8.5%
- Dokumen Kontrak – 0.03%
- Makalah – 0.01%
- Bahan Bersiri (Teks) – 0.9%
- Research Monograph – 4.4%
- Bahan Bersiri (Elektronik) – 0.2%
- Carta – 0.006%
- Album – 0.1%
- Lain-lain – 0.006%

## PENERIMAAN DAN PENGHANTARAN BAHAN

Sepanjang tahun 2014, pihak BKHP telah menerima sejumlah 19,165 naskhah dari pelbagai Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM-PSZJB. Daripada jumlah ini, sebanyak 18,760 naskhah telah berjaya diproses dan diuruskan penghantarnya ke lokasi yang telah ditetapkan. Jumlah ini mewakili 98% penghantaran bahan berbanding jumlah yang diterima pada 2014.

Sungguhpun peratusan ini telah mengecilkan jurang antara bahan yang berjaya diproses berbanding bahan yang diterima, jumlah ini tidak merangkumi bilangan sebenar bahan yang masih berstatus ‘back-log’. Bagi bahan ‘back-log’ yang secara kumulatif masih belum diselesaikan sepenuhnya, pihak BKHP masih terus berusaha untuk mengurangkan jumlah bahan ini sehingga mencapai sasaran ‘zero back-log’.

Secara perbandingan, tahun 2014 terus menunjukkan penurunan jumlah penerimaan bahan, manakala jumlah penghantaran bahan pula meningkat, dan secara langsung telah membolehkan pihak BKHP mengecilkan jurang di antara kedua-dua proses ini bagi memantapkan lagi aktiviti pengkatalogan bahan di BKHP.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan jumlah penerimaan dan penghantaran bahan yang telah dikendalikan oleh pihak BKHP bagi 3 tahun berturut-turut sejak 2012 hingga 2014.


**Jadual 3** : Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Penerimaan & Penghantaran Bahan oleh BKHP 2012 ~ 2014.

TAHUN	PENERIMAAN (NASKHAH)	PENGHANTARAN (NASKHAH)	PERATUS BAHAN YANG DIPROSES
2012	24,488	23,602	96%
2013	20,417	18,935	93%
2014	19,165	18,760	98%

Perincian di Rajah 3 menunjukkan bilangan naskhah bahan yang telah diterima dan diuruskan proses penghantaran bahan mengikut lokasi. Manakala butiran di bawah ini pula menunjukkan kumulatif jumlah penghantaran bahan ke lokasi yang telah ditetapkan. Bagi Perpustakaan Cawangan, lokasi ini merangkumi penghantaran bahan ke UTM Kuala Lumpur yang terdiri dari Perpustakaan PSZKL, Razak School, Perdana School, AIS, IBS & MJIIT.

- PSZJB ~ 15,028 N @ 80%.
- PRZS ~ 3,342 N @ 18%.
- Perpustakaan Cawangan ~ 360 N @ 1.4%.
- Perpustakaan Fakulti ~ 30 N @ 0.6%.

**Rajah 3** : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Penerimaan & Penghantaran Bahan oleh BKHP.



## PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI (OK) 2014

Pencapaian Objektif Kualiti (OK) merupakan salah satu sasaran utama di BKHP yang perlu dianalisa di dalam menilai pencapaian individu staf yang terlibat dengan aktiviti pengkatalogan bahan asal, bahan CIP dan proses IR. Pencapaian ini dilaporkan 2 kali setahun di Mesyuarat Semakan Pengurusan Perpustakaan UTM.

Terdapat perubahan bilangan staf di UPT sejak Januari hingga September 2014 yang telah menjadikan sasaran pencapaian bulanan tidak konsisten kerana sasaran ini bergantung kepada jumlah staf di UPT. Penstrukturkan semula organisasi Perpustakaan UTM pada Ogos 2014 juga turut menyumbang kepada perubahan menyeluruh di BKHP.

Data di Jadual 4 menunjukkan pencapaian bulanan dan sasaran berdasarkan jumlah staf pada bulan tertentu. Bagi Pustakawan, sasaran bulanan adalah 200 judul (bahan asal), manakala bagi Pembantu Perpustakaan pula adalah 350 judul (bahan CIP & IR).

Secara keseluruhan, pencapaian 6 bulan pertama menunjukkan hanya Pustakawan sahaja berjaya mencapai sasaran OK, berbanding Pembantu Perpustakaan hanya mencapai pencapaian penuh pada April & Mei sahaja. Perbandingan seterusnya adalah bagi pencapaian 6 bulan kedua, di mana kedua-dua kategori staf ini tidak mencapai sasaran OK. Ketidakcapaian ini disebabkan berlakunya proses perpindahan dan pertukaran staf yang mula berkuatkuasa pada 21hb. Ogos 2014, dan juga aktiviti pemindahan bahan koleksi khas dari BKHP ke BRM untuk tujuan pengkatalogan bahan oleh staf BRM. Juga pada Ogos 2014, kiraan sasaran pencapaian bagi staf yang terlibat dengan proses perpindahan juga diambilkira sebagai  $\frac{3}{4}$  bulan sahaja kerana aktiviti pengkatalogan tidak dilakukan genap tempoh sebulan.

Namun secara keseluruhan juga, Pustakawan masih berjaya mengkalkan pencapaian melebihi sasaran berdasarkan jumlah judul yang berjaya dikatalog sepanjang 2014 dengan jumlah 9,680 judul berbanding sasaran iaitu 8,650 judul, lebihan sebanyak 11.9%. Manakala Pembantu Perpustakaan gagal untuk mencapai sasaran dengan hanya mencapai 88.4% sahaja, 11.65% kurang dari sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keseluruhan UPT adalah 97.5 %, iaitu 21,904 judul dari sasaran 22,476 judul bagi tahun 2014.

Sepanjang tahun 2014 juga, BKHP telah menerima 3 ‘Opportunity for Improvement’ (OFI) semasa proses Audit Dalaman berlangsung pada Mei 2014. Untuk ringkasan laporan ini sila rujuk kepada [Lain-lain Pencapaian Pemprosesan Bahan di UPT](#), manakala laporan lengkap pencapaian OK boleh dirujuk di Laporan Sistem Pengurusan Kualiti Jan-Dis 2014 – Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran.

**Jadual 4** : Data Pencapaian Objektif Kualiti (OK) bagi Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan.

BULAN	JUMLAH	
	PUSTAKAWAN	PEMBANTU PERPUSTAKAAN
Januari	827 / 800	1198 / 1400
Februari	839 / 800	1115 / 1400
Mac	1143 / 1000	1351 / 1400
April	1168 / 1000	1473 / 1400
Mei	1186 / 1000	1469 / 1400
Jun	1316 / 1000	1305 / 1400
Julai	892 / 800	1002 / 1400
Ogos	546 / 650	814 / 1226
September	452 / 400	521 / 700
Oktober	469 / 400	502 / 700
November	433 / 400	750 / 700
Disember	425 / 400	724 / 700
PENCAPAIAN STAF / SASARAN PENCAPAIAN	9680 / 8650	12,224 / 13,826
PURATA BULANAN	807 / 721	1040 / 1177
PURATA PERATUS	111.90%	88.40%

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN PEMPROSESAN BAHAN DI UPT

Sepanjang tahun 2014, pihak BKHP telah mengendalikan beberapa aktiviti berkaitan pemprosesan bahan selain daripada pengkatalogan bahan, penerimaan dan penghantaran bahan yang sedikit sebanyak telah memberi satu input penting kepada proses kerja di Bahagian ini.

### a. Log Tindakan Pembetulan Dan Pencegahan Audit Dalam [Borang PSZ 27.6(c)].

Hasil teguran Audit Dalam Perpustakaan UTM 2014 yang telah dilaksanakan pada 4 – 21hb. Mei, BPT telah menerima 3 OFI bagi Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan. Antara isu yang ditegur untuk tujuan penambahbaikan adalah :

- i. Proses mengkatalog dan memproses bahan jurnal elektronik dan pangkalan data tidak didokumenkan.
- ii. Penggunaan Slip Pemprosesan Bahan Segera UPT dan kawalan pemprosesan bahan segera dalam tempoh 7 hari tidak didokumenkan.
- iii. Penggunaan Borang PSZ 15.10 tidak dilaksanakan bagi aktiviti 6.7.2 dan 6.7.3.

Ketiga-tiga isu yang dikemukakan telah selesai dibuat tindakan dan telah ditutup oleh pihak juruaudit pada Mei & Jun 2014.



### b. Log Tindakan Pembetulan Dan Pencegahan Harian [Borang PSZ 27.6(c)].

Tindakan pengurusan Borang Permintaan Tindakan Pembetulan dan Pencegahan Harian yang diterima dari Unit Sirkulasi di UPT pada 2014 berjumlah 2 siri borang, yang melibatkan 16 rekod bahan dengan 19 jenis pembetulan telah dilaksanakan oleh PmPK(PT) sepanjang tahun 2014. Daripada jumlah ini, jenis kesilapan nombor panggilan mendominasi dengan jumlah sebanyak 11 pembetulan (57.9%) daripada jumlah keseluruhan, diikuti dengan pembetulan maklumat pada bahan dan rekod di dalam sistem (31.6%) dan kesilapan maklumat lokasi bahan (5.3%). Kesemua tindakan pembetulan ini telah selesai dan ditutup.

### c. Permohonan Bahan Segera.

Hasil teguran Audit Dalam 2014, mulai Jun 2014 UPT telah mengambil langkah positif di dalam pengiraan tempoh mengurus permohonan bahan segera yang diterima dari beberapa Bahagian di Perpustakaan UTM untuk diproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, pihak BKHP telah menerima sejumlah 294 permohonan bahan segera, di mana daripada jumlah ini sebanyak **286 permohonan (97%)** telah berjaya diproses mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala jumlah permohonan yang melebihi tempoh memproses adalah sebanyak **8 permohonan sahaja (3%)**. Bagi permohonan yang berjaya diproses dalam tempoh kurang daripada 1 hari pula adalah sejumlah **101 permohonan (34%)**, manakala sejumlah **185 permohonan (62%)** berjaya diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.

#### d. Projek Perpindahan Bahan Koleksi Khas.

Penstrukturuan semula Perpustakaan UTM telah memberi impak besar kepada BKHP. Kesan daripada penstrukturuan ini, aktiviti pengkatalogan bahan koleksi khas telah dipindahkan sepenuhnya ke Perpustakaan UTM-PRZS di bawah kendalian Bahagian Repositori Metadata (BRM). Oleh itu, satu projek khas telah dilaksanakan pada akhir September 2014 untuk memindahkan sejumlah besar bahan koleksi khas di BKHP ke BRM untuk menyelaraskan semula proses kerja sedia ada.

Fasa pertama projek pemindahan bahan ini telah berjaya menguruskan sejumlah 18,197 naskhah bahan yang terdiri daripada pelbagai jenis koleksi bahan khas. Bagi memastikan rekod bahan diselia dengan sempurna, sejumlah 17,988 naskhah telah ditukar ‘call library’ kepada PRZS melalui proses ‘global change’ di Sistem Lestari oleh Bahagian Pembangunan Automasi. Secara keseluruhan, sejumlah 19,483 naskhah telah dihantar ke PRZS apabila projek ini berakhir pada Disember 2014. Berikut adalah pecahan jumlah penghantaran bahan koleksi khas yang telah dikemaskini rekodnya di dalam Sistem Lestari :


- i. Tesis (Sarjana / PhD.) : 5,169 n
- ii. Projek Sarjana Muda (PSM) : 2,367 n
- iii. Book UTM : 1,191 n
- iv. Cakera padat PSM : 2,232 n
- v. Cakera padat Tesis : 3,876 n
- vi. Cakera padat Pelbagai : 278 n
- vii. Artikel : 96 n
- viii. Dokumen Kontrak : 18 n
- ix. Fotograf : 593 n
- x. Makalah : 2,447 n
- xi. Monografi Penyelidikan : 1,101 n
- xii. Sijil : 19 n
- xiii. Bahan Lebihan : 57 n
- xiv. Laporan Kursus : 21 n
- xv. Minit mesyuarat : 7 n
- xvi. Lain-Lain : 11 n

#### d. Median Time Processing (MTP) .

MTP adalah mekanisme pengukuran bagi tempoh memproses bahan bermula daripada penerimaan bahan pesanan dari pembekal sehingga bahan disusun di rak, selaras dengan keperluan di dalam piawaian BS 11620 : Information and Documentation – Library Performance Indicators. Secara keseluruhan, BKHP telah menguruskan sejumlah 7478 judul bahan separjang 2014, namun pihak UPT masih belum berjaya mencapai sasaran 40 hari yang ditetapkan. Disember 2014, pihak UPT tiada data bagi aktiviti ini kerana tiada penghantaran bahan belian dilakukan dari BKHP disebabkan masalah bekalan stok tag RFID yang terhad. Oleh itu, pihak BKHP mengalih tumpuan kepada proses penghantaran bahan koleksi khas yang terdiri daripada bahan tesis, laporan dan minit mesyuarat yang telah siap diproses untuk dihantar ke PRZS.

#### e. Pengkatalogan Bahan Koleksi Khas – Minit Mesyuarat.

Mulai 2014, pihak UPT telah melaksanakan pengkatalogan bahan Koleksi Khas (Minit Mesyuarat) menggunakan nombor panggilan lokal bagi mempercepat serta memudahkan bahan ini dikatalog secara efektif dan kemudahkesan bahan di rak.



# UPDD

## ANALISA PENCAPAIAN

### SEPAJANG TAHUN 2014

#### PENDIGITALAN BAHAN

Unit Pengurusan Dokumen Digital (UPDD) bertanggungjawab untuk memproses digital bahan-bahan Koleksi Khas UTM. Bahan yang dibuat proses pendigitalan terdiri daripada bahan-bahan terbitan UTM seperti tesis, kertas projek, makalah, artikel daripada jurnal dan bahan daripada keratan akhbar. UPDD ini juga bertanggungjawab memuat naik bahan yang telah diproses digital ke dalam Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) agar boleh diakses oleh pengguna.

Untuk tahun 2014, aktiviti yang dikendalikan UPDD di bawah kendalian BKHP adalah sehingga Julai 2014 sahaja. Selepas dari tempoh tersebut, UPDD telah diserapkan ke Bahagian Repotori Metadata, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru. Oleh itu data yang dilaporkan di Laporan Tahunan BKHP ini adalah sehingga Julai 2014 sahaja, sebelum UPDD berpindah sepenuhnya mulai September 2014 ke Perpustakaan UTM-PRZS.

Tahun 2014 bermulanya penggunaan DMS di dalam pengurusan bahan digital di Perpustakaan UTM. Sebelum ini, data telah diproses dan disimpan di dalam fail sokongan sahaja. Sebanyak 2,407 judul bahan telah berjaya dimuatnaik ke dalam DMS yang baru mula beroperasi.


Jadual 5 : Jumlah Proses Pendigitalan Bahan Sepanjang 2014.

JENIS BAHAN	IMBASAN (SCANNING) (JUDUL)	CONVERT FILE (JUDUL)	JUMLAH KESELURUHAN
Tesis	25	2,977	3,002
PSM	0		
Kertas soalan	0	1,274	1,274
Keratan akhbar	0	109	109
JUMLAH	25	4,360	4,385

Statistik bagi proses pendigitalan bahan di UPDD menunjukkan sebanyak 25 judul tesis telah dibuat proses imbasan. Proses pendigitalan lebih tertumpu kepada proses ‘converting file’ bagi bahan cakera padat, di mana majoriti bahan tesis dan kertas projek yang diterima turut dilampiri dengan cakera padat.

Data di Jadual 5 menunjukkan jumlah imbasan dan ‘converting process’ yang telah dilaksanakan sepanjang 2014. Manakala Rajah 4 pula menunjukkan pecahan keseluruhan proses pendigitalan yang telah dilaksanakan oleh UPDD. Aktiviti imbasan hanya mewakili 0.6%, berbanding aktiviti ‘converting file’ yang mendominasi keseluruhan proses pendigitalan bahan, iaitu sebanyak 99.4%.

Rajah 4 : Pecahan Proses Pendigitalan Bahan Sepanjang 2014.




# UHP ANALISA PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2014

## PENERIMAAN BAHAN HADIAH & PERTUKARAN

Pencapaian aktiviti bagi Unit Hadiah & Pertukaran untuk tahun 2014 adalah merangkumi aktiviti penerimaan bahan, penghantaran bahan dan juga pengkatalogan bahan. Bagi aktiviti pengkatalogan yang dilaporan pada bahagian ini, laporan hanya memfokuskan pengkatalogan bahan hadiah & pertukaran sahaja. Oleh itu, perincian lengkap bagi aktiviti pengkatalogan bahan BKHP adalah merujuk kepada pelaporan di bahagian Unit Pengurusan Teknikal.

UHP berada di bawah struktur BKHP bermula pada September 2014. Sebelum itu, UHP bernaung di bawah Bahagian Pembangunan Sumber (BPS). Unit telah pun menerima sejumlah 3,635 naskhah bahan hasil daripada aktiviti hadiah & pertukaran yang diterima dari pelbagai Kementerian, Jabatan, gaensi dan organisasi luar.




Rajah 5

: Penerimaan Keseluruhan Bahan Hadiah & Pertukaran Sepanjang Tahun 2014.

Daripada jumlah ini, sebanyak 74% penerimaan bahan ini diproses semasa UHP di bawah naungan Bahagian Pembangunan Sumber (BPS), manakala selebihnya dikendalikan di BKHP. Bermula September 2014, UHP telah menerima sejumlah 955 naskhah (24%) lagi bahan pelbagai format sebagai sokongan kepada koleksi Perpustakaan UTM sedia ada. Rajah 5 & 6 menunjukkan penerimaan bahan sepanjang tahun 2014 dan bagi 4 bulan terakhir 2014 oleh UHP.

Secara keseluruhan, bahan buku merupakan bahan tertinggi jumlah penerimaannya, iaitu sebanyak 44.4%, diikuti dengan bahan bersiri 44.2%, bacaan ringan 6.5%, cakera padat 3.1% dan prospektus 1.7%.

Perincian penerimaan bahan ini dapat dirujuk dari data di Jadual 6 mengikut bulan dan jenis bahan.



Rajah 6

: Penerimaan Keseluruhan Bahan Hadiah & Pertukaran Sept.-Dis. 2014 Sahaja.

## PENGHANTARAN BAHAN HADIAH & PERTUKARAN

Bagi proses penghantaran bahan hadiah & pertukaran, UHP telah menguruskan penghantaran sejumlah 721 naskhah sepanjang 2014. Jumlah ini merangkumi penghantaran bahan ke Perpustakaan UTM-PSZKL, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan lain-lain agensi luar sahaja, yang mempunyai hubungan baik selaku rakan perkongsian sumber ilmu dengan Perpustakaan UTM-PSZJB.

Bagi penghantaran bahan ke PSZJB, pihak UHP telah menguruskan sejumlah 324 naskhah bahan ke Unit Sirkulasi (USK) mulai Oktober 2014. Bagi data penghantaran bahan dari Januari hingga September 2014, proses penghantaran ini adalah melalui UPT, iaitu sebelum UHP bernaung di bawah BKHP secara rasmi mulai September 2014.

Oleh itu, secara keseluruhan penghantaran bahan hadiah & pertukaran bagi tahun 2014 adalah sebanyak 1,045 naskhah yang merangkumi seluruh lokasi Perpustakaan UTM (56.7%) dan ke institusi / agensi luar (43.3%).

Perincian data penghantaran bahan ini ditunjukkan melalui Jadual 7 untuk semua lokasi penghantaran kecuali PSZJB, di mana 37.2% naskhah bahan telah diuruskan untuk penghantaran ke PSZKL, diikuti 20.1% ke PNM dan selebihnya, iaitu 42.7% telah disalurkan ke agensi luar.

**Jadual 6** : Data Penerimaan Bahan Hadiah & Pertukaran Sepanjang 2014.

BULAN	BUKU		BERSIRI		CAKERA PADAT		BACAAN RINGAN	PROSPEKTUS	JUMLAH (BULANAN)
	J	N	J	N	J	N	N	N	N
Jan	129	134	94	108	9	9	0	0	251
Feb	113	126	189	249	13	20	0	0	395
Mac	243	280	69	80	2	2	0	0	362
Apr	292	343	174	220	19	21	30	0	614
Mei	185	205	108	138	5	7	19	0	369
Jun	78	103	185	222	4	5	10	0	340
Jul	43	81	82	109	0	0	105	34	329
Ogo	2	2	0	0	0	0	18	0	20
<b>JUMLAH (A)</b>	<b>1085</b>	<b>1274</b>	<b>901</b>	<b>1126</b>	<b>52</b>	<b>64</b>	<b>182</b>	<b>34</b>	<b>2680</b>
Sep	54	57	97	136	14	14	25	2	234
Okt	87	102	53	69	17	19	12	15	217
Nov	92	114	153	200	9	16	2	2	334
Dis	63	67	62	77	0	0	16	10	170
<b>JUMLAH (B)</b>	<b>296</b>	<b>340</b>	<b>365</b>	<b>482</b>	<b>40</b>	<b>49</b>	<b>55</b>	<b>29</b>	<b>955</b>
<b>JUMLAH (A+B)</b>	<b>1381</b>	<b>1614</b>	<b>1266</b>	<b>1608</b>	<b>92</b>	<b>113</b>	<b>237</b>	<b>63</b>	<b>3635</b>

**Jadual 7** : Data Penghantaran Bahan Hadiah & Pertukaran dari BKHP ke Lain-lain Lokasi.

BULAN	PSZKL		PNM		AGENSI LUAR		JUMLAH
	J	N	J	N	J	N	N
Jan	0	0	4	20	0	0	20
Feb	0	0	0	0	0	0	0
Mac	0	0	4	20	3	264	284
Apr	0	0	7	35	0	0	35
Mei	154	164	0	0	0	0	164
Jun	0	0	5	25	0	0	25
Jul	0	0	1	5	4	20	25
Ogo	0	0	0	0	1	24	24
<b>JUMLAH (A)</b>	<b>154</b>	<b>164</b>	<b>21</b>	<b>105</b>	<b>8</b>	<b>308</b>	<b>577</b>
Sep	0	0	1	5	0	0	5
Okt	34	35	0	0	0	0	35
Nov	20	20	0	0	0	0	20
Dis	49	49	7	35	0	0	84
<b>JUMLAH (B)</b>	<b>103</b>	<b>104</b>	<b>8</b>	<b>40</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>144</b>
<b>JUMLAH (A+B)</b>	<b>257</b>	<b>268</b>	<b>29</b>	<b>145</b>	<b>8</b>	<b>308</b>	<b>721</b>

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2014

Tahun 2014 telah melakar satu sejarah baru di BKHP, di mana berlaku penstrukturkan semula Perpustakaan UTM yang melibatkan perubahan nama Bahagian dari BPT kepada BKHP. Perubahan portfolio, perpindahan dan pengurangan staf seramai 12 orang juga telah membentuk satu proses pengemaskinian aliran kerja yang baru di BKHP. Berikut merupakan ringkasan aktiviti yang telah dilaksanakan.

- Gotong-royong program 5S Zon Akasia – Januari.
- Projek pemindahan bahan koleksi khas di BKHP ke BRM, Perpustakaan UTM-PRZS – September-Oktober.
- Program latihan ‘Refresher Course : Cataloging Module’ kendalian P(PT) kepada semua staf BKHP serta staf Perpustakaan UTM-PRZS yang terlibat dengan kerja-kerja pengkatalogan bahan – November.
- Projek penampalan label bahan koleksi khas yang masih berbaki di BKHP untuk penghantaran ke BRM di PRZS – Disember.
- Penglibatan dalam program ‘attachment’ di Perpustakaan Negara Malaysia berhubung perlaksanaan RDA di Perpustakaan UTM – Disember.
- Program latihan kepada pelajar latihan industri dari UiTM & UNISEL – mulai Feb.- Dis.
- Sambutan Aidilfitri peringkat Bahagian serta Majlis Penghargaan Staf – Jun & Ogos.

## PERANCANGAN & PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Pembukaan tirai 2015, BKHP akan menstrukturkan semula progam 5S Zon Akasia untuk memantapkan lagi kerjasama di kalangan staf ke arah kesedaran kitar semula dan kekemasan ruang pejabat yang berterusan. Sebagai usaha pemantapan kerja, terutama proses pengkatalogan bahan, BKHP telah menggariskan satu rangka kerja perlaksanaan Resource Development Access (RDA). Di peringkat permulaan, pihak BKHP akan membuat persediaan perlaksanaan RDA di dalam proses pengkatalogan bahan, antaranya :

- Mengenalpasti elemen-elemen tag yang perlu dikemaskini di dalam Modul Katalog.
- Memperkasa serta mengemaskini fail kuasa pengarang dan perkara.
- Menyediakan manual / panduan kerja perlaksanaan RDA di Perpustakaan UTM.
- Menyediakan latihan pengkatalogan kepada staf untuk pemahaman yang lebih jelas.
- Bekerjasama dengan lain-lain Bahagian, khususnya Bahagian Pembangunan Automasi (BPA) untuk memastikan perlaksanaan RDA secara efektif berjalan lancar.

Di samping itu juga, melalui UHP, pihak BKHP akan terus berusaha untuk memantapkan lagi koleksi terbitan kerajaan di Perpustakaan UTM melalui aktiviti hadiah & pertukaran.

Penambahbaikan yang berterusan ini diharap akan mendapat kerjasama dari setiap staf Perpustakaan UTM ke arah pembentukan pusat maklumat global yang dinamik!



# Maklumat Pertanyaan



**ALAMAT SURAT-MENYURAT :**  
BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN  
PERPUSTAKAAN UTM  
BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
81310 JOHOR BAHRU  
JOHOR DARUL TA'ZIM

**HUBUNGI KAMI :**

07 – 553 0127 | Pejabat am BKHP

07 – 553 0107 | Ketua Bahagian

07 – 553 0112 | Pustakawan Kanan  
Unit Pengurusan Teknikal

07 – 553 0133 | Pustakawan  
Unit Hadiah & Pertukaran

07 – 557 2555 | Talian faksimili Pejabat Ketua Pustakawan



## PROGRAM LATIHAN INDUSTRI TUNJUKAJAR KEPADA BAKAL PUSTAKAWAN

Sepanjang tahun 2014, Bahagian ini telah menerima sejumlah 4 orang pelajar IPTA dan IPTS untuk menjalani latihan industri di Perpustakaan UTM.

Di bawah nama Bahagian Pemprosesan Teknikal (BPT), Bahagian ini telah menerima 2 orang pelajar yang telah menjalani latihan industri di Unit Pengurusan Teknikal (UPT) dan Unit Pengurusan Dokumen Digital (UPDD). Mereka terdiri daripada :

- Fatimah Hawa Binti Hazman – 03hb. Feb. – 30hb. Jun 2014.  
-Pelajar Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian), Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat & Pengurusan Pusat Sumber , Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.
- Mohamad Hafiz Bin Mahat 08hb. – 12hb. Jun 2014.  
-Pelajar Diploma Sains Perpustakaan, Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, UNISEL.

Melalui latihan yang dijalani di BPT, pelajar telah didekah dengan aktiviti pengkatalogan bahan dan pendigitalan bahan sebagai salah satu program latihan yang dapat memberi peluang kepada mereka untuk lebih memahami pengurusan dan pengendalian bahan sebelum bahan disusun di rak untuk rujukan pengguna.

Berikutnya, selepas BPT bertukar nama dan fungsi kepada Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran (BKHP), Bahagian ini telah menerima 2 orang pelajar lagi untuk menjalani latihan industri selama lebih kurang 5 bulan.

Mereka yang terlibat dengan program latihan industri di BKHP menjalani latihan bermula dari 03hb. Ogos – 31hb. Dis. 2014. Pelajar berkenaan adalah :

- Mohamad Syaiful Bin Mohd Yusof, &
  - Nur Ain Binti Ishak.
- Pelajar Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian), Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat & Pengurusan Pusat Sumber , Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

Di bawah pemantauan Bahagian ini, pelajar hanya menerima pendedahan berkaitan aktiviti pengkatalogan bahan sahaja. Namun, selain daripada aktiviti pengkatalogan bahan, pelajar juga telah diberi peluang untuk menjalani latihan di lain-lain Bahagian di Perpustakaan UTM-PSZJB dan Perpustakaan UTM-PRZS untuk mendapatkan pengalaman yang lebih luas lagi.

Pihak BKHP sangat berharap kesemua pelajar yang telah menjalani latihan industri di Bahagian ini akan mendapat manfaat dan mempelajari sesuatu yang baru sebagai persediaan bergelar graduan dan seterusnya berjaya di dalam kerjaya masing-masing.

~ SELAMAT MAJU JAYA ~



Penyerahan sumbangan dan saguhati oleh KPT.

## MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI 1435H PERINGKAT BPT SALAM UKHWAH, REZEKI MELIMPAH

Sambutan Aidilfitri 2014 (1435 Hijrah) telah diadakan pada 25hb. Jun 2014 di Bahagian Pemprosesan Teknikal sebagai salah satu acara tahunan untuk mengeratkan sillaturahim di kalangan staf di Bahagian ini. Turut diadakan sama pada majlis ini adalah penghargaan kepada pelajar latihan industri yang telah mengikuti sesi latihan secara intensif.

Pada majlis ini juga, pihak pengurusan dan penyeliaan aktiviti 5S Zon Akasia, BPT telah mengadakan sesi penyerahan wang tabungan 5S kepada semua staf BPT. Penyerahan wang tabungan ini diadakan selaras dengan perubahan struktur organisasi Perpustakaan UTM yang melibatkan sebahagian besar staf di BPT bertukar dan berpindah ke Bahagian lain.

Majlis ini turut diserikan dengan pemberian ‘goodies bag’ kepada semua yang terlibat. Manakala menu yang disediakan pula terdiri daripada nasi lemak, nasi kerabu, roti jala, kuih-muih pedas dan manis, kek keju, biskut raya, buah-buahan serta minuman panas dan sejuk.

Berbeza dari tahun sebelumnya, pada tahun ini satu sesi bergambar beramai-ramai di bawah pengendalian Unit Media telah diadakan untuk semua Bahagian di Perpustakaan UTM Johor Bahru disekitar kawasan kampus. BPT telah memilih lokasi sesi fotografi dan rakaman video ucapan Hari Raya di perkarangan Masjid Sultan Ismail (MSI), UTM Johor Bahru.



Sesi fotografi dan rakaman video di perkarangan MSI.



Penyerahan wang tabungan @ ‘duit raya’ dan ‘goodies bag’.

## MAJLIS TAUTAN KASIH PENGHARGAAN MENGERAT IKATAN STAF SILLATURRAHIM

Sepanjang tahun 2014, BKHP telah mengalami beberapa perubahan yang signifikan, salah satu daripadanya adalah melibatkan pertambahan dan pengurangan staf, serta perubahan nama Bahagian ekoran daripada penstrukturkan semula organisasi Perpustakaan UTM.

Bermula dengan pertambahan staf pada Mac 2014, Sdr. Haliza Zainal kembali bertugas di Unit Pengurusan Teknikal (UPT) setelah tamat pengajian peringkat Sarjana di UTM, dari Fakulti Komputeran selama lebih kurang 1 tahun.

Namun, mulai 01hb. Sept. 2014, berlaku perubahan struktur organisasi Perpustakaan UTM yang melibatkan perpindahan dan pertukaran staf Perpustakaan UTM secara besar-besaran. Perubahan ini secara langsung memberi kesan kepada struktur Bahagian ini apabila sebahagian besar staf dari Bahagian ini turut terlibat dan nama serta fungsi Bahagian ini turut mengalami perubahan.

Sejumlah 12 orang staf BPT terlibat, dimana 9 orang staf telah dipindahkan ke Perpustakaan UTM-PRZS, manakala 3 orang staf bertukar ke Bahagian lain di Perpustakaan UTM-PSZJB. Bahagian Pemprosesan Teknikal juga turut diberi nama baru, iaitu Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran (BKHP), berfungsi menguruskan pengkatalogan bahan dan mengurus perolehan bahan hadiah dan pertukaran antara jabatan dan organisasi.

Oleh itu, sebagai menghargai jasa serta kerjasama yang telah diberikan oleh semua staf BPT, satu Majlis Penghargaan Staf telah diadakan pada 20hb. Ogos 2014. Majlis ini telah diadakan hasil daripada lebihan wang tabungan 5S Zon Akasia dan sebahagiannya ditaja oleh KKHP sebagai tanda terima kasih dan penghargaan beliau kepada semua staf BPT.

Kepada semua staf yang diraikan, pihak BPT mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah ditunjukkan selama berkhidmat di Bahagian ini. Namun, kepada yang masih kekal di BPT @ BKHP, komitmen dan keazaman yang tinggi di dalam melaksanakan tugas diharap dapat dikekalkan dan dipertingkatkan untuk pembangunan dan kecemerlangan Perpustakaan UTM secara global!



Terima Kasih kepada KKHP yang telah banyak memberi sokongan moral kepada semua staf BPT. Ucapan : Selamat Maju Jaya dari KPT kepada semua staf BPT!

# Sisipan 2014

## Sebaliknya Penghargaan Buat Rakan-rakan Yang Di kasihai :



↑  
Sebahagiang daripada staf BPT yang turut sama meraikan rakan sekerja yang diarahkan berpindah dan bertukar Bahagian.

← Staf BPT yang diraikan.

↓  
Antara menu yang disediakan hasil tabungan 5S Zon Akasia : Nasi Lemak Rendang Daging, Roti Jala, Spaghetti Goreng, Shepherd Pie, Fruit Tartlets, Bebola Ikan dan Nuget Ayam, Beef Puff, Buah-buahan, Kuih-muih, Party Cake, Minuman panas dan sejuk!



## REFRESHER COURSE SESI TAKLIMAT DAN LATIHAN MODUL KATALOG, MANUAL PENGGUNA DAN POLISI PENGKATALOGAN 25hb. SEPTEMBER 2014

Satu sesi taklimat dan latihan telah diadakan sebagai sesi ulangkaji kepada staf sedia ada dan juga kepada staf baru berkhidmat di BKHP. Sesi yang berlangsung selama 1 hari ini telah diadakan di Makmal Pencarian Maklumat 1, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru, Johor. Dengan kehadiran staf seramai 17 orang staf, sesi telah memberi peluang kepada staf terbabit memahami proses pengkatalogan bahan dengan lebih jelas lagi.



Sesi ‘hands-on training’ – memberi peluang kepada staf memahami penggunaan Modul Katalog.

Program ini telah dihadiri oleh staf UPT sedia ada dan juga staf UHP yang baru diserapkan ke BKHP, Pustakawan dari Perpustakaan Faulti dari Bahagian Perkhidmatan Lanjutan, serta staf Bahagian Repositori Metadata yang dikendalikan oleh Pustakawan Kanan UPT, Pn. Haslina Hussin. Melalui sesi taklimat dan latihan yang telah diadakan ini, peserta telah diberi pendedahan kepada asas pengkatalogan, pengenalan kepada MARC, proses aliran kerja, manual pengguna untuk kerja-kerja pengkatalogan bahan, polisi pengkatalogan terkini, penggunaan Modul Katalog di Worksflow serta ‘hands-on training’.

Hasil daripada sesi taklimat dan latihan ini, pihak BKHP turut menerima maklumbalas positif dari staf berhubung aktiviti pengkatalogan bahan sebagai salah satu usaha ke arah penambahbaikan berterusan. Pihak BKHP menjangkakan program ini bakal diadakan secara tahunan untuk memberi makluman berhubung perkembangan terkini aktiviti pengkatalogan.



Perkongsian ilmu pada sesi ‘hands-on training’.

# *Catatan* Sepanjang Jalan Kenangan ...

